



Anwar merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2023 di Kepala Batas, semalam. Yang turut hadir Kon Yeow (kiri) dan Raja Arshad (dua dari kanan).
(Foto Danial Saad/BH)

‘Tadbir urus perlu cekap, jangan mudah jual aset’

Syarikat berkaitan kepentingan Bumiputera diingatkan tidak tersasar daripada matlamat asal

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan syarikat khususnya yang berkaitan dengan kepentingan Bumiputera supaya tidak tersasar daripada matlamat asal untuk menyelamatkan golongan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pengalamannya sebaik kembali ke dalam kerajaan mendapati ada dalam kalangan syarikat yang tersasar daripada matlamat asal untuk menyelamatkan Bumiputera kerana tadbir urus yang lemah.

Beliau turut mengingatkan syarikat berkenaan atas dasar kepentingan Bumiputera, supaya tidak mengambil jalan mudah dengan menjual aset mereka semata-mata demi menyelamatkan syarikat.

Tindakan sedemikian, katanya, diambil berikutan tadbir urus lemah sehingga membawa kepada pembaziran, selain kelemahan pengurusan yang dianggap tidak bijak dan tidak munasabah.

“Apa pun berlaku, saya minta pengurusan semasa syarikat seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) atau Khazanah - yang menjalankan tugas dengan baik - serta syarikat Persekutuan dan negeri, supaya ingat bahawa yang pertama sekali pengurusan mestilah sangat cekap.

“Kedua, dalam apa jua keputusan yang dibuat, mereka tidak boleh dengan mudah melepaskan ekuiti dan kepentingan asal mereka untuk melindungi dan mengawal kepentingan syarikat yang mementingkan kepentingan Bumiputera,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena pelancaran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023 di Setia Fontaines, Bertam, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow dan Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Elak kelemahan berulang

Mengulas lanjut, Anwar berkata, setiap pengurusan syarikat perlu mempunyai anjakan dan dipertanggungjawabkan akan tugas asas mereka supaya kelemahan sama tidak berulang pada masa hadapan.

“Kalau kita tidak beralih, sampai bila (hingga) berpuluh tahun balik ke pangkal...tubuh syarikat (dan) salah urus tadbir (kemudian) rugi (hingga) kerajaan terpaksa bantu, ada desakan baru (dan) bantu lagi...kemudian tubuh lagi syarikat baharu dan selepas itu kita ikut jalur sama

yang tiada penghujung,” katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan menitikberatkan soal pengurusan kerana ia adalah tanggungjawab untuk memastikan tidak ada masyarakat dan kaum terpinggir.

“Awal tahun 70-an yang mana kelompok Melayu Bumiputera tidak dapat mengejar kepesatan ekonomi kian rancak maka ditubuhkan syarikat Bumiputera seperti PNB dan syarikat-syarikat lain.

“PNB dapat bertahan dan berkembang kerana pengurusan yang cekap dan integriti pengurusan bahawa ini patut menjadi penekanan kita dalam Kerajaan Perpaduan sekarang.

“Ini kerana berapa banyak sekalipun curahan dana dan peluang-peluang diberikan, andai kata pengurusan itu tidak cekap dan kita sia-siakan amanah itu, sampai bila pun akan berlaku seperti pengalaman lalu,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) boleh memainkan peranan dalam memberikan pendedahan awal mengenai literasi kewangan kepada pelajar dan mahasiswa dari peringkat awal.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan dua kementerian itu supaya kempen pencerahan mengenai amalan menabung dan pelaburan saham boleh diperluaskan lagi di peringkat institusi pendidikan dan pendidikan tinggi.